

Salah laku pelajar

Kementerian anggap ponteng masalah disiplin paling serius

B-H 23/7/08 M/s 15

FOKUS



Oleh Rosniza Mohd Taha
yoniza@bharian.com.my

PONTENG sekolah bukan sekadar masalah disiplin di kalangan pelajar, tetapi persoalannya lebih besar, antaranya ke mana dan apakah yang mereka buat sepanjang waktu melakukan salah laku itu serta akibatnya.

Daripada lapan jenis salah laku disiplin disenaraikan Kementerian Pelajaran, ponteng berada di tangga kedua terbanyak selepas kurang sopan, diikuti berunsur jenayah, tidak pentingkan masa, kekemasan diri, kenakalan, laku musnah dan berunsur kelucahan.

Berdasarkan pengalaman lalu, akibat pelajar ponteng bukan saja ketinggalan dalam pelajaran, malah lebih teruk lagi terbahit gejala negatif seperti penyalahgunaan dadah, vandalisme, gangsterisme, minuman keras, seks bebas, perjudian dan melepak.

banyak berlaku di sekolah mem-babitkan 23,220 kes (0.43 peratus) tahun lalu dan 19,980 kes (0.37 peratus) pada 2006.

Kesalahan berunsur jenayah seperti mencuri, mencederakan pelajar, bergaduh dan pukul juga antara kes banyak dicatatkan di sekolah iaitu 18,900 (0.35 peratus) tahun lalu dan 18,360 (0.34 peratus) pada 2006.

Isu lewat ke sekolah atau tidak pentingkan masa juga agak ketara dengan rekod 18,360 pelajar (0.34 peratus) terbabit tahun lalu dan 15,120 pelajar (0.28 peratus) pada tahun sebelumnya.

Masalah kenakalan pelajar seperti membawa telefon bimbit ke sekolah mencatatkan penurunan kes agak ketara iaitu daripada 15,120 pada 2006 kepada 8,640 kes tahun lalu.

Kesalahan laku musnah seperti merosakkan kemudahan atau menconteng bangunan sekolah juga berkurangan daripada 3,780 kes pada 2006 kepada 3,240 kes tahun lalu.

Kes salah laku disiplin berunsur kelucahan termasuk membuat bahasa isyarat, lukisan serta menggunakan per-



Implikasi besar yang mungkin wujud akibat masalah ponteng itu menyebabkan ia dianggap Kementerian Pelajaran sebagai salah laku disiplin paling serius.

Rekod Kementerian Pelajaran tahun lalu menunjukkan 21,060 pelajar (0.89 peratus) dikesan ponteng sekolah, manakala 24,840 pelajar (0.46 peratus) pada tahun sebelumnya.

Selain ponteng, salah laku pelajar kurang sopan seperti merokok, tidak hormat guru dan pengawas serta berbahasa kasar adalah kesalahan paling

kataan tidak senonoh mencatit jumlah sama pada 2006 dan tahun lalu, iaitu 2,700 kes.

Statistik kementerian mengenai salah laku disiplin pelajar dalam tempoh 2003 hingga 2007 mencatatkan kadar purata dua peratus, manakala kes jenayah yang diteliti menerusi rekod polis pada kadar purata 0.03 peratus.


Walaupun jumlah kes disiplin pelajar negara ini jauh lebih rendah berbanding negara lain, Kementerian Pelajaran tetap menganggap ia isu yang perlu ditangani secara serius.

INFO

Jumlah pelajar sekolah terbabit dalam salah laku disiplin

Jenis salah laku	2006	2007
Kurang sopan	19,980	23,220
Ponteng sekolah	24,840	21,060
Berunsur jenayah	18,360	18,900
Tidak pentingkan masa	15,120	18,360
Kekemasan diri	15,120	14,580
Kenakalan	15,120	8,640
Laku musnah	3,780	3,240
Berunsur kelucahan	2,700	2,700

* Jumlah keseluruhan pelajar sekolah rendah dan menengah adalah 5.4 juta orang.



Hukuman langgar peraturan sekolah ikut tahap kesalahan

BERAT atau ringan hukuman dikenakan terhadap pelajar yang melanggar peraturan sekolah bergantung kepada beberapa pertimbangan dan tahap kesalahan.

Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Harian Kementerian Pelajaran, Zulkifly Mohd Wazir, (**gambar**) berkata pertimbangan itu merangkumi keseriusan dan kekerapan kesalahan dilakukan serta perwatakan dan latar belakang pelajar.

Beliau berkata, tindakan buang sekolah, gantung sekolah dan rotan dikategorikan sebagai hukuman berat, manakala dianggap ringan pula adalah penahanan, denda dan amaran.

"Pelajar bermasalah biasanya dirujuk kepada kaunselor sekolah. Jika tiada perubahan, kita beri amaran pertama, kedua dan



ketiga. Selepas amaran ketiga, jika masih melakukan kesalahan, baru kita rotan. Ini diikuti dengan gantung sekolah dan akhir sekali, buang sekolah.

"Sebenarnya kebanyakan kes disiplin berjaya diselesaikan menerusi proses kaunseling dan amaran, hanya pelajar yang benar-benar 'layak' saja dikenakan hukuman rotan, kecuali perem-

puan," katanya.

Mengenai langkah pencegahan salah laku disiplin, Zulkifly menjelaskan ia dilaksanakan secara berterusan oleh Jawatankuasa Induk Menangani Gejala Disiplin Murid Kementerian Pelajaran yang diwujudkan sejak 2004.

"Antara langkah pencegahan utama ialah mewujudkan Pasukan Petugas Antiponteng Sekolah membabitkan jabatan pelajaran negeri, pejabat pelajaran daerah, Polis Diraja Malaysia, pihak berkuasa tempatan, badan bukan kerajaan serta Persatuan Ibu Bapa dan Guru.

"Sistem Aduan Disiplin juga diwujudkan bagi memudahkan usaha mengenal pasti dan mengatasi masalah disiplin pelajar menerusi saluran seperti hotline, e-mel, faks mili, surat, akhbar serta laman web," katanya.

Ibu bapa perlu bersama didik anak

"Ibu bapa saya tak berhenti pun bila lampu trafik merah, kenapa saya tidak boleh langgar peraturan sekolah?"

Demikian antara jawapan spontan pelajar apabila ditanya mengapa mereka terbabit salah laku disiplin di sekolah, kata Penolong Pengarah Unit Kaunseling Sektor Pengurusan Pembangunan Kemanusiaan Bahagian Sekolah Kementerian Pelajaran, Raja Mazlan Raja Shahdan.

Beliau berkata, jawapan jujur pelajar itu membuktikan kepentingan golongan dewasa terutama ibu bapa membimbing serta menunjukkan contoh baik dalam usaha membentuk peribadi mulia di kalangan pelajar.

Bagaimanapun, katanya, ada ibu bapa kini kurang memberi tumpuan terhadap perkembangan anak dan 'menswastakan' tanggungjawab mereka kepada pihak lain terutama sekolah.

"Tindakan ini membuatkan pelajar berasa kurang kasih sayang dan perha-

"Ibu bapa kini kurang memberi tumpuan terhadap perkembangan anak dan 'menswastakan' tanggungjawab mereka kepada pihak lain terutama sekolah"

Raja Mazlan Raja Shahdan
Penolong Pengarah
Unit Kaunseling Sektor
Pengurusan Pembangunan
Kemanusiaan, Bahagian Sekolah

lian daripada ibu bapa sehingga membuat mereka bertindak balas secara negatif termasuk melanggar peraturan sekolah untuk menagih perhatian.

"Sebagai contoh, ada kes pelajar

perempuan dirujuk untuk sesi kaunseling kerana kerap menconteng pakaian seragamnya dengan lirik lagu serta lukisan tertentu sebagai luahan rasa kecewa dan sunyinya.

"Apabila ditanya, pelajar itu mengakui tindakannya bertujuan menarik perhatian ibu bapanya yang sibuk bekerja dan tidak meluangkan masa bersama, tetapi taktiknya tidak berjaya walaupun dilakukan berulang kali," katanya.

Satu lagi kes, beliau berkata, membabitkan seorang pelajar lelaki yang sering melanggar peraturan sekolah dan apabila diselidik, dia mengaku sengaja melakukannya supaya dibuang sekolah kerana dipaksa ibu bapanya memasuki sekolah berkenaan.

Walaupun demikian, Raja Mazlan berkata, tidak dinafikan faktor lain seperti pengaruh rakan sebaya, diri sendiri, sekolah dan masyarakat turut menyumbang kepada kejadian salah laku disiplin pelajar.